



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)  
[www.ijepc.com](http://www.ijepc.com)



## SINDIR BADAN ('BODY SHAMING') DI MALAYSIA: SUATU ANALISIS SEMULA TERHADAP SOSIO-PERUNDANGAN

*BODY SHAMING IN MALAYSIA: A REAPPRAISAL OF THE SOCIO-LEGAL DIMENSIONS*

Mohd Ab Malek Md Shah<sup>1\*</sup>, Norhidayah Mohd Rasid<sup>2</sup>, Sulaiman Mahzan<sup>3</sup>, Siti Fairuz Nurr Sadikan<sup>4</sup>, Mohd Fadhil Ab Rashid<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Department of Law, UiTM Cawangan Melaka, Malaysia  
Email: malek625@uitm.edu.my

<sup>2</sup> Sekolah Kebangsaan Datuk Haji Baginda, Merlimau, Malaysia  
Email: idanardiel@gmail.com

<sup>3</sup> Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Melaka, Malaysia  
Email: sulaiman@uitm.edu.my

<sup>4</sup> Fakulti Perlادangan dan Agroteknologi, UiTM, Malaysia  
Email: fairuznurr@uitm.edu.my

<sup>5</sup> Unit Kaunseling, Bimbingan, Kerjaya dan Alumni, Kolej Islam Antarabangsa, Malaysia  
Email: mohd.fadil@iic.edu.my

\* Corresponding Author

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 05.05.2025

Revised date: 24.05.2025

Accepted date: 17.06.2025

Published date: 30.06.2025

#### To cite this document:

Shah, M. A. M. M., Rasid, N. M., Mahzan, S., Sadikan, S. F. N., & Rashid, M. F. A. (2025). Sindir Badan ('Body Shaming') Di Malaysia: Suatu Analisis Semula Terhadap Sosio-Perundangan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (58), 1246-1255.

### Abstrak:

Isu 'body shaming' atau sindiran terhadap bentuk badan bukanlah fenomena baharu dalam masyarakat Malaysia masa kini. Pelbagai modus operandi digunakan oleh individu tidak bertanggungjawab untuk melakukan perbuatan ini, terutamanya melalui platform media sosial yang semakin meluas tanpa rasa bersalah. Mangsa lazimnya mengalami kesan negatif yang ketara dari segi kesihatan mental dan emosi, termasuk kemurungan, perasaan berdendam, mudah marah, hilang keyakinan diri, gangguan pemakanan, serta pelbagai masalah lain yang berpotensi membawa kepada kejadian tragis seperti bunuh diri. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan perundangan (legal research method) dan analisis kandungan (content analysis) terhadap peruntukan undang-undang, keputusan mahkamah, serta dokumen berkaitan. Justeru, kajian ini menumpukan perhatian kepada isu 'body shaming' daripada perspektif kerangka perundangan sedia ada di Malaysia, sebagai usaha membendung penularan fenomena yang tidak sihat ini. Hal ini penting memandangkan masih ramai dalam kalangan masyarakat yang kurang memahami aspek perundangan berkaitan perbuatan buli ini.

DOI: 10.35631/IJEPC.1058080.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



### Kata Kunci:

'Body Shaming'; Fenomena; Modus Operandi; Buli; Perundungan

### Abstract:

The phenomenon of body shaming—the act of making disparaging remarks about an individual's physical appearance—is not a recent development in Malaysian society. However, the proliferation of social media platforms has enabled such behaviour to occur more frequently and with greater anonymity, often without remorse on the part of the perpetrators. Victims are frequently subjected to serious psychological and emotional consequences, including depression, resentment, irritability, diminished self-esteem, eating disorders, and in extreme cases, suicidal ideation. This study employs a doctrinal legal research methodology and content analysis to examine relevant statutory provisions, judicial decisions, and supporting legal documents. The primary objective is to analyse body shaming within the context of Malaysia's existing legal framework and to assess its adequacy in addressing and deterring this harmful social behaviour. The study underscores the urgency of legal literacy and public awareness, as many individuals remain unaware of the legal implications surrounding bullying and body shaming in the digital age.

### Keywords:

Body Shaming; Legal Framework; Social Media; Bullying; Legislation

## Pengenalan

Isu '*body shaming*' dalam kalangan masyarakat di negara ini bukanlah suatu perkara yang baharu atau asing pada masa kini. Menerusi jawapan bertulis dalam sidang Dewan Rakyat bertarikh 21 Mac 2021, Menteri Dalam Negeri ketika itu, YB Datuk Seri Hamzah Zainudin, memaklumkan bahawa sebanyak 17 kes penghinaan terhadap fizikal individu (*body shaming*) telah dilaporkan di Malaysia dalam tempoh lima tahun, iaitu dari tahun 2017 hingga 2021.

Dalam perkembangan berkaitan, media tempatan melaporkan bahawa Mahkamah Rayuan telah mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi terhadap seorang pempengaruh media sosial, setelah rayuannya untuk mengetepikan arahan membayar ganti rugi sebanyak RM100,000 ditolak. Hukuman tersebut dikenakan berikutan perbuatannya mengeluarkan

kata-kata kesat dan melakukan '*body shaming*' terhadap individu lain melalui platform media sosial. Panel tiga hakim Mahkamah Rayuan secara sebulat suara memutuskan bahawa hakim Mahkamah Tinggi tidak terkhilaf dalam keputusannya, kerana kenyataan yang dikeluarkan oleh perayu dianggap sebagai fitnah. Ekoran perbuatan tersebut, reputasi plaintiff telah tercemar dan beliau turut mengalami tekanan perasaan, trauma, kemurungan, serta hilang keyakinan diri.

Modus operandi dalam perbuatan '*body shaming*' boleh wujud dalam pelbagai bentuk, sama ada secara fizikal maupun melalui media sosial. Antara kaedah yang lazim digunakan oleh pelaku termasuk intimidasi secara terbuka (*overt bullying*) seperti penghinaan, sindiran, komen negatif, dan ancaman yang bertujuan menyakiti mangsa secara langsung. Selain itu, intimidasi secara tidak langsung (*indirect bullying*) juga berlaku melalui penyebaran khabar angin atau gosip yang mencemar reputasi serta maruah mangsa. Tambahan pula, bentuk perbuatan ini

turut merangkumi elemen buli siber (*cyberbullying*), iaitu penghinaan dan intimidasi yang disebarluaskan menerusi platform media sosial dan aplikasi teknologi seperti Facebook, Twitter, dan Instagram dan sebagainya.

Merujuk kepada menularnya laporan kes berkaitan '*body shaming*' di Malaysia, ia mencerminkan betapa seriusnya fenomena negatif ini dalam kalangan masyarakat masa kini. Sebagai contoh; seorang pelakon wanita tempatan membuat laporan polis terhadap individu yang menghina anak angkatnya melalui media sosial, memperlihatkan kecenderungan netizen menyerang hal peribadi selebriti (Sinar Harian, 16 Mac 2020). Dalam satu kes lain yang lebih ekstrem, seorang lelaki membuat ciapan menghina seorang remaja berkulit albino dengan kenyataan berunsur ganas dan ritualistik, iaitu "wajar diburu dan dikerat bagi tujuan ritual sihir" (Astro Awani, 20 Oktober 2019).

Kes membabitkan seorang pempengaruh yang melakukan siaran langsung sambil menghina bentuk tubuh seorang wanita turut mendapat perhatian umum. Wanita tersebut, yang sekadar meninggalkan komen di ruang siaran, menjadi sasaran hinaan secara terbuka, termasuk perbandingan tubuhnya dengan haiwan. Rakaman video yang tular itu menyebabkan mangsa mengalami tekanan emosi yang serius dan disarankan mengambil tindakan undang-undang. Pempengaruh berkenaan kemudian memohon maaf secara terbuka melalui Facebook, dengan menyatakan kekhilafan dalam mengawal emosi (Sinar Harian, 18 Ogos 2020).

Satu lagi kes melibatkan peserta program hiburan '*Big Stage*' yang membuat gurauan terhadap bentuk fizikal pengacara secara terbuka, mencetuskan kecaman dan akhirnya membawa kepada permohonan maaf rasmi (Berita Harian, 5 Oktober 2020). Dalam kes yang lebih tragis, seorang wanita mengambil keputusan untuk menamatkan nyawanya sendiri setelah menjadi mangsa ejekan dan penghinaan susulan penularan video TikTok yang mencetuskan fitnah dan kecaman bertubi-tubi daripada warga maya (Harian Metro, 19 Mei 2020).

Media tanahair turut melaporkan bahawa seorang pelakon wanita turut membuat laporan polis setelah anak angkatnya menjadi sasaran buli siber. Beliau menyerahkan senarai lebih 15 individu untuk tindakan lanjut, namun kes akhirnya diselesaikan secara damai apabila salah seorang pelaku memohon maaf dan bersetuju membayar ganti rugi kepada mangsa (Harian Metro, 13 Mac 2019).

Di peringkat antarabangsa pula, tragedi yang membabitkan bintang K-Pop terkenal, Sulli, yang meninggal dunia akibat membunuh diri, membuka mata masyarakat terhadap kesan serius buli siber. Beliau dikatakan telah mengalami tekanan berpanjangan akibat kecaman melampau dan serangan berterusan dalam talian (Berita Harian, 14 Oktober 2019).

### **Kaedah Penyelidikan**

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan perundangan (*legal research method*) bagi meneliti dan menganalisis peruntukan undang-undang, keputusan mahkamah serta dokumen berkaitan, dengan tujuan menilai tahap keberkesanan kerangka perundangan sedia ada dalam menangani isu body shaming. Selain itu, kaedah analisis kandungan (*content analysis*) turut digunakan, yang melibatkan pemerhatian secara sistematik terhadap bahan-bahan seperti laporan di media sosial. Pendekatan ini bertujuan untuk mengenal pasti tema dan pola utama yang berkaitan dengan isu tersebut. Gabungan kedua-dua kaedah ini membolehkan penyelidik

memperoleh pemahaman yang lebih menyeluruh dan mendalam terhadap dimensi perundangan serta tanggapan masyarakat terhadap fenomena berkenaan.

### Rujukan Perundangan di Malaysia berkaitan ‘*Body Shaming*’

Antara kerangka legislatif utama dalam menangani salah laku komunikasi digital ialah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588), Akta Jenayah Komputer 1997 dan Kanun Keseksaan 1950. Seksyen 211 Akta 588 secara khusus memperuntukkan bahawa penggunaan aplikasi kandungan untuk menyebarkan komunikasi yang lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik dengan niat untuk mengganggu, mengugut atau mendera, adalah suatu kesalahan. Sabitan boleh membawa hukuman denda maksimum RM50,000, penjara sehingga satu tahun, atau kedua-duanya, termasuk denda harian tambahan bagi kesalahan yang berterusan. Peruntukan ini memperkuuh perlindungan terhadap penyalahgunaan platform digital, terutamanya dalam menangani penghinaan peribadi seperti ‘*body shaming*’ dan bentuk gangguan komunikasi lain yang mengancam ketenteraman awam serta maruah individu.

Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) memperuntukkan bahawa sebarang penggunaan kemudahan atau perkhidmatan rangkaian untuk menyampaikan komunikasi yang bersifat lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik dengan niat untuk menyakitkan hati, mengugut, menganiayai atau mengganggu mana-mana individu, adalah merupakan suatu kesalahan. Ini merangkumi tindakan secara berulang, dengan atau tanpa pendedahan identiti pengirim, serta penggunaan platform untuk tujuan komunikasi luah berunsur komersial. Pesalah yang disabitkan boleh dikenakan denda maksimum RM50,000 atau hukuman penjara sehingga satu tahun atau kedua-duanya, serta denda tambahan RM1,000 bagi setiap hari kesalahan diteruskan selepas sabitan. Peruntukan ini menekankan keseriusan undang-undang terhadap bentuk komunikasi dalam talian yang menjelaskan ketenteraman awam dan maruah peribadi, termasuk dalam kes ‘*body shaming*’, gangguan seksual dan buli siber.

Perbuatan menghina rupa fizikal individu melalui platform digital boleh disabitkan di bawah Seksyen 233(1)(a) dan (b) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588). Seksyen ini mengcriminalkan komunikasi yang bersifat jelik, lucah, sumbang, palsu atau mengancam yang dihantar dengan niat untuk menyakitkan hati, mengugut, menganiayai atau mengganggu mana-mana individu. Jika disabitkan, pesalah boleh dikenakan denda sehingga RM50,000,

penjara sehingga satu tahun, atau kedua-duanya. Peruntukan ini membuktikan komitmen undang-undang dalam menangani jenayah siber yang melibatkan gangguan terhadap maruah, termasuk isu seperti penghinaan fizikal (*body shaming*), sejarar dengan perkembangan teknologi komunikasi masa kini.

Sekiranya si mangsa mempunyai merit atau asas yang kukuh untuk dipertimbangkan bagi tujuan pendakwaan di mahkamah, maka pesalah boleh disabitkan hukuman apabila didapati bersalah. Namun demikian, ia turut tertakluk kepada budi bicara oleh pihak mahkamah bagi menentukan samada kes tersebut tersebut memenuhi kriteria yang telah ditetapkan atau sebaliknya.

Seksyen 14 Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955 (Akta 336) memperuntukkan denda maksimum RM100 terhadap individu yang menggunakan kata-kata kesat atau menghina di tempat awam dengan niat menimbulkan kemarahan atau mengganggu ketenteraman.

Walaupun bentuk hukumannya ringan, peruntukan ini tetap berfungsi sebagai kawalan terhadap gangguan sosial secara lisan dalam ruang fizikal.

Dalam konteks digital, Seksyen 233(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) pula memperuntukkan kesalahan bagi penyalahgunaan rangkaian komunikasi untuk menyebar kandungan jelik, lucah atau mengancam. Kedua-dua peruntukan ini menunjukkan usaha perundangan nasional menangani penghinaan dan gangguan sama ada di ruang awam maupun dalam talian, selaras dengan keperluan semasa menjaga kesopanan dan ketenteraman awam.

Seksyen 509 Kanun Keseksaan 1950 memperuntukkan kesalahan jenayah yang melibatkan sebarang perbuatan atau kelakuan yang bertujuan untuk mengaibkan kehormatan atau kesantunan seseorang. Peruntukan ini merangkumi tindakan menyebut perkataan, mengeluarkan bunyi, membuat isyarat atau menunjukkan sesuatu objek yang bertujuan agar ianya didengar atau dilihat oleh individu terbabit, dengan niat untuk menjelaskan kehormatan atau mengganggu kesopanan mangsa. Jika disabitkan, pesalah boleh dikenakan hukuman penjara sehingga lima tahun, denda, atau kedua-duanya sekali. Dalam konteks kontemporari, seksyen ini juga digunakan dalam menangani kes gangguan seksual di tempat kerja serta penghinaan terhadap wanita dan individu di media sosial. Walaupun Seksyen 509 digubal sebelum era digital, tafsirannya yang bersifat terbuka membolehkannya disesuaikan dengan perbuatan menghina dalam bentuk mesej, imej atau video yang disebarluaskan melalui platform komunikasi elektronik.

Dalam kes **Pendakwa Raya v Norfaizal bin Mohamed [2005]**, Mahkamah Sesyen menjatuhkan hukuman penjara terhadap tertuduh kerana membuat kenyataan lucah secara langsung kepada mangsa wanita, yang jelas memenuhi elemen niat untuk mengaibkan kehormatan di bawah Seksyen 509. Kes ini menekankan bahawa elemen subjektif niat dan kesan terhadap maruah mangsa adalah komponen penting dalam sabitan kesalahan.

Seksyen 499 Kanun Keseksaan menyatakan jika mana-mana individu ada membuat atau menerbitkan sebarang kenyataan tidak benar yang akan atau boleh merosakkan reputasi orang lain, serta ditulis atau disebarluaskan dengan niat jahat, adalah melakukan satu kesalahan jenayah fitnah. Jika didapati bersalah tertuduh boleh dihukum penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Selain itu, Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Dr. Fadhlullah Suhaimi Abdul Malek, menjelaskan bahawa mangsa penghinaan fizikal (body shaming) digalakkan untuk membuat laporan polis sebagai langkah awal. Setelah laporan dikemukakan, SKMM akan memberikan sokongan teknikal untuk tujuan siasatan lanjut, termasuk pengesahan dan pengesahan bukti oleh pihak berkuasa yang berwibawa.

Bagi tujuan pembuktian (*onus of proof*) pula, mangsa boleh menggunakan kaedah tangkap layar skrin (*screenshot*) mesej digital yang menjelaskan itu boleh berfungsi sebagai bukti. Apa yang penting, mangsa perlu mengumpul bukti yang relevan, seperti latar belakang pendera dan komen jelik mereka untuk tindakan selanjutnya.

Selain itu, rujukan perundangan lain yang berkaitan adalah Akta Fitnah 1957. Secara dasarnya, Akta Fitnah 1957 merupakan satu akta induk (*Parent Act*) yang digubal khusus oleh Parlimen bagi tujuan menyelesaikan segala isu berkaitan dengan undang – undang *libel* dan *slander* serta

kepalsuan berniat jahat yang lain. Secara dasarnya, jenis fitnah yang lazim ialah serangan terhadap akhlak atau watak moral plaintiff, dengan menuduhnya melakukan jenayah, tidak jujur, tidak bercakap benar, tidak mengenang budi atau bersikap kejam (**Syed Husin Ali v Sharikat Pechetakan Utusan Melayu Berhad & Anor [1973] 2 MLJ 56, OCJ Kuala Lumpur**). Undang-undang fitnah bertujuan mengimbangi dua hak asasi yang bertentangan, iaitu kebebasan bersuara dan hak untuk melindungi reputasi. Walaupun kebebasan bersuara penting dalam sesebuah demokrasi, ia tidak bersifat mutlak dan perlu dibatasi agar tidak mencemarkan maruah individu. Oleh itu, undang-undang ini berfungsi untuk mencegah penyalahgunaan ekspresi yang boleh menjelaskan reputasi seseorang (**Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam, Hospital Besar Pulau Pinang v Utra Badi a/l K Perumal [2003] 3 MLJ 281**).

Terdapat dua bentuk kesalahan fitnah dalam sistem perundangan Malaysia, iaitu fitnah jenayah dan fitnah sivil. Fitnah jenayah diperuntukkan di bawah Seksyen 499 Kanun Keseksaan, manakala hukuman bagi pesalah yang disabitkan kesalahan dinyatakan dalam Seksyen 500, yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun, denda, atau kedua-duanya sekali. Seksyen 499 menjelaskan bahawa sesuatu pernyataan dianggap sebagai fitnah jenayah sekiranya ia boleh mencemarkan reputasi seseorang, termasuk individu yang telah meninggal dunia, sekiranya kenyataan itu berpotensi menjelaskan reputasinya sekiranya masih hidup, atau dibuat dengan niat menyakiti perasaan keluarga terdekat si mati. Dalam kes **PP v Ooi Kee Saik & Ors [1971] 2 MLJ 108**, mahkamah menegaskan bahawa peruntukan Seksyen 499 perlu ditafsirkan dengan berhati-hati kerana ia menyentuh batas antara kebebasan bersuara dan perlindungan reputasi.

Fitnah sivil merupakan satu bentuk liabiliti di bawah undang-undang tort yang merangkumi dua kategori utama, iaitu *libel* (fitnah bertulis) dan *slander* (fitnah lisan). Dalam konteks ini, fitnah merujuk kepada sebarang kenyataan yang disampaikan kepada pihak ketiga, sama ada dalam bentuk kekal seperti tulisan atau bentuk sementara seperti pertuturan. Kesan daripada penyiaran kenyataan tersebut boleh menjelaskan reputasi serta nama baik individu yang difitnah di mata masyarakat (Salleh Buang, 1992). Fitnah tersebut turut berupaya menimbulkan kecenderungan dalam kalangan masyarakat untuk merendahkan maruah individu yang terlibat, sekali gus mendorong mangsa menjauhkan diri daripada interaksi sosial akibat tekanan dan stigma yang dialaminya. (Mohd Safar Hashim, 2002). Dalam kata

lain, ia merujuk kepada penerbitan kenyataan (dalam bentuk lisan atau tulisan) yang mengakibatkan reputasi seseorang itu jatuh di mata masyarakat. Ini boleh dirujuk kepada kes **Syed Husin Ali [1973] 2 MLJ 56** yang menegaskan bahawa elemen fitnah tidak bergantung kepada kesan reputasi yang telah berlaku, sebaliknya memadai jika kenyataan itu berpotensi mencemarkan nama baik individu.

Dalam kes **Luk Kai Lam Iwn Sim Ai Leng [1978] 1 MLJ 314**, mahkamah memutuskan bahawa kenyataan responden yang merujuk kepada perayu sebagai ‘pelacur’ merupakan satu fitnah lisan (slander). Ungkapan tersebut dianggap mempunyai kesan yang serius terhadap maruah dan reputasi perayu sebagai seorang wanita, serta memenuhi elemen fitnah kerana ia menyentuh kehormatan peribadi dan boleh menjatuhkan kedudukannya di mata masyarakat (Seksyen 4 Akta Fitnah 1957).

Sebaliknya, dalam kes **Sivanathan Iwn Abdullah bin Dato' Haji Abdul Rahman [1984] 1 MLJ 62**, Mahkamah Tinggi menolak dakwaan fitnah atas alasan bahawa kenyataan yang diucapkan dalam keadaan marah — walaupun berbaur negatif — tidak semestinya mencukupi untuk membentuk unsur fitnah jika tiada niat untuk mencemarkan reputasi secara serius. Kes ini menekankan pentingnya konteks dan niat dalam menilai sama ada sesuatu pernyataan itu berunsur fitnah atau sebaliknya (Seksyen 5 Akta Fitnah 1957).

Dari sudut perundangan, terdapat kecenderungan dalam kalangan masyarakat untuk merujuk kepada Fasal 10 Perlembagaan Persekutuan sebagai asas untuk mengabsahkan tindakan tertentu atas nama kebebasan bersuara. Tindakan ini sering disandarkan kepada anggapan bahawa kebebasan bersuara merupakan hak asasi yang tidak boleh dipertikaikan, selaras dengan prinsip keluhuran Perlembagaan. Namun begitu, tafsiran terhadap Fasal 10 perlu dilihat secara holistik dan berimbang. Dalam kes **Public Prosecutor v Ooi Kee Saik & Ors [1971] 2 MLJ 108**, mahkamah telah memperjelaskan bahawa kebebasan bersuara bukanlah bersifat mutlak, sebaliknya tertakluk kepada sekatan yang sah dari segi undang-undang seperti yang diperuntukkan dalam Fasal 10(2), termasuk demi keselamatan negara, ketenteraman awam dan moral. Kes ini menegaskan bahawa Perlembagaan memperuntukkan hak, namun dalam masa yang sama meletakkan garis batas yang bertujuan untuk melindungi kepentingan kolektif masyarakat.

Secara asasnya, kebebasan bersuara bukan sekadar merujuk kepada hak menyatakan pendapat tanpa rasa takut terhadap tindakan atau hukuman, sama ada secara lisan maupun bertulis. Ia turut merangkumi hak menerbitkan, menulis, menyiar, mengedarkan rakaman, dan menyampaikan idea kepada khalayak. Namun begitu, kebebasan ini tidak bersifat mutlak, sebaliknya tertakluk kepada batasan yang ditetapkan oleh kerangka perundangan sedia ada, seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan, khususnya di bawah Fasal 10.

Ini sejajar dengan Perkara 19 Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR 1948) yang menyatakan bahawa:

*“Setiap orang adalah berhak kepada kebebasan pendapat dan mengeluarkan fikiran; hak ini termasuklah kebebasan memegang pendapat tanpa gangguan dan menuntut, menerima dan menyebarkan maklumat dan buah fikiran melalui sebarang media dan tanpa mengira sempadan”.*

Di samping itu, mukadimah Deklarasi Kaherah tentang Hak Asasi Manusia dalam Islam (*Cairo Declaration on Human Rights in Islam*) antara lain, menyatakan bahawa:

*“Percaya bahawa hak-hak asasi dan kebebasan sejagat dalam Islam merupakan sebahagian daripada teras Islam dan bahawa tiada seorangpun secara prinsip berhak menghapuskan secara keseluruhan dan sebahagiannya atau mencabuli atau mengabaikannya memandangkan ianya suatu perintah suci yang terkandung dalam Kitab-kitab wahyu Tuhan dan dihantar melalui Nabi terakhir-Nya untuk menyempurnakan mesej suci terdahulu sehingga menjadikan pematuhan terhadapnya suatu pengabdian dan pengabaian atau pencabulannya suatu dosa yang amat dibenci, dan kerana itu setiap orang bertanggungjawab secara individu dan ummah bertanggungjawab secara kolektif – untuk mempertahankannya.”*

Hak dan kebebasan bersuara merupakan antara elemen asas dalam sesebuah sistem pemerintahan yang mengamalkan prinsip demokrasi, termasuklah di Malaysia yang berpegang kepada prinsip demokrasi berparlimen. Kebebasan ini mencerminkan pengiktirafan dan

penghormatan terhadap hak asasi individu sebagaimana yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan dan kerangka perundangan negara. Dalam konteks ini, setiap individu mempunyai kebebasan untuk menyuarakan pandangan serta pendapat, selagi mana tidak melanggar batasan undang-undang yang ditetapkan, khususnya berhubung isu-isu sensitif yang telah dikenal pasti oleh Parlimen.

### Kesimpulan

Isu '*body shaming*' atau perbuatan menyindir bentuk fizikal seseorang, khususnya menerusi media sosial, tidak seharusnya dipandang ringan oleh masyarakat pada masa kini, apatah lagi dijadikan sebagai bahan gurauan. Tindakan sedemikian boleh dianggap sebagai satu bentuk jenayah memandangkan kesan negatifnya yang serius, termasuk kes di mana mangsa mengalami tekanan emosi berpanjangan sehingga ada yang bertindak menamatkan riwayat hidup sendiri. Dalam konteks kehidupan bermasyarakat, hubungan yang harmoni, saling menghormati dan berempati merupakan asas penting ke arah pembentukan masyarakat yang sejahtera. Sehubungan itu, setiap individu disarankan agar sentiasa menjaga tutur kata dan penulisan — sama ada secara lisan mahupun dalam talian — dengan penuh cermat dan beretika. Tambahan pula, menjadi tanggungjawab bersama setiap anggota masyarakat untuk menghormati hak dan menunaikan kewajipan masing-masing, sejajar dengan kerangka perundangan yang sedia ada, demi menjamin kemaslahatan bersama. Usaha ini secara tidak langsung menyumbang ke arah pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals - SDG*), khususnya Matlamat Ketiga: Kesihatan Baik dan Kesejahteraan, serta Matlamat Keenam Belas: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kukuh, selaras dengan aspirasi membentuk masyarakat madani yang inklusif dan berdaya tahan.

### Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan sekalung terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan, bimbingan, dan kerjasama —sama ada secara langsung mahupun tidak langsung— ke arah keberhasilan penulisan artikel ini. Penulis amat berharap agar segala dapatan dan perbincangan dalam artikel ini dapat menyumbang kepada daya pemahaman dan tahap penghayatan yang lebih mendalam terhadap isu sindir badan ('*body shaming*') menerusi pendekatan sosio-perundangan yang relevan dalam konteks Malaysia.

### Rujukan

- Ahmad Shamsul Abd. Aziz, Khadijah Mohamed, & Mazita Mohamed. (2007). Siri Perkembangan Undang-Undang di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955 (Akta 336). (1955). Laws of Malaysia. Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588). (1998). Laws of Malaysia. Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Astro Awani. (n.d.). Body shaming. <https://www.astroawani.com/topic/body-shaming>
- Astro Awani. (n.d.). Body shaming: Pempengaruh media sosial kekal bayar ganti rugi RM100,000. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/body-shaming-pempengaruh-media-sosial-kekal-bayar-ganti-rugi-rm100000-441495>
- Astro Awani. (2019, Oktober 20). Berita viral lelaki albino berdepan pembuli body shaming dalam program televisyen. Astro Awani.

- Baharum, D. A. S. (2019, November 13). Umat Islam ditegah menghina ciptaan Ilahi. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/addin/2019/11/516695/umat-islam-ditegah-menghina-ciptaan-ilahi/>
- Berita Harian. (2019, October 14). Bintang K-Pop Sulli ditemui mati di kediamannya. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/dunia/asia/2019/10/617699/bintang-k-pop-sulli-ditemui-mati-di-kediamannya>
- Berita Harian. (2021, Januari). Mangsa body shaming boleh dakwa pelaku di mahkamah. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/779047/mangsa-body-shaming-boleh-dakwa-pelaku-di-mahkamah>
- Fakiradmin. (2018, November 16). Larangan menghina rupa fizikal manusia. Fakir Ilmu. <https://www.fakirilmu.com/2018/11/06/larangan-menghina-rupa-fizikal-manusia/>
- Galen Centre. (n.d.). Malaysia recorded 17 body shaming cases from 2017 to 2021. <https://ova.galencentre.org/malaysia-recorded-17-body-shaming-cases-from-2017-to-2021/>
- Hasan, L. (2020, September 22). Personaliti media sosial sila jaga mulut. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/102093/SUARA-SINAR/Analisis-Sinar/Personaliti-media-sosial-sila-jaga-mulut/>
- Hukuman kesalahan body shaming terlalu luas, kata peguam. (2020, September 22). Free Malaysia Today.
- Hussain, A. (2016). Kamus Istimewa Peribahasa Melayu (Edisi ke-2, Cetakan ke-10). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jefri, S. S. (2020, Oktober 5). Terlajak gurau, Usop mohon maaf pada Sherry. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/rap/2020/10/627415/terlajak-gurau-usop-mohon-maaf-pada-sherry/>
- Kuldip Singh, K. (2007). Tort of defamation. Malaysia: LexisNexis.
- Lismartini, E. (2020, Jun 30). Body shaming dalam pandangan Islam. Sahijab. <https://www.sahijab.com/tips/1437-body-shaming-dalam-pandangan-islam/>
- Majlis Keselamatan Negara. (2020, September 21). Gunakan media sosial secara berhemah, jangan body shaming. <https://www.mkn.gov.my/web/ms/2020/09/21/gunakan-media-sosial-sekara-berhemah-jangan-body-shaming/>
- Md Shah, M. A. M., et al. (2021). Polemik ‘body shaming’ di Malaysia: Suatu analisis awal. International Journal of Social Science Research, 3(1), 67–74. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijssr/article/view/12818>
- Mohd Safar Hashim. (2002). *Mengenali undang-undang media dan siber*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Norliah Ibrahim. (2017). *Gangguan seksual di tempat kerja: Perspektif undang-undang dan perlindungan terhadap wanita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Polis Diraja Malaysia. (2024, Oktober 6). #JomBeringat: Body shaming adalah jenayah. <https://www.rmp.gov.my/news-detail/2024/10/06/jomberingat-body-shaming-adalah-jenayah>
- Ramli, A. M. (2020, September 20). Body shaming kesalahan jenayah. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/101826/BERITA/Nasional/Body-shaming-kesalahan-jenayah>
- Roslan, A. (2018, November 11). Norma 'body shaming' satu perkara bahaya – Adibah Noor. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-hiburan/norma-body-shaming-satu-perkara-bahaya-adibah-noor-190782/>

SalamWebToday. (2019, Oktober 17). ‘Body shaming’ adalah jenayah!  
<https://today.salamweb.com/ms/body-shaming-adalah-jenayah/>

Salleh Buang. (1992). Law of defamation in Malaysia and Singapore. Kuala Lumpur: Central Law Book Company.

Seong, T. K. (1996). Penukaran kod dan bahasa: Satu fenomena kedwibahasaan. Pelita Bahasa, 8(5), 41–43.

Suhaini, N. A. (2020, September 16). Biar jadi pengajaran, jangan cakap tanpa berfikir – Peguam. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/09/621351/biar-jadi-pengajaran-jangan-cakap-tanpa-berfikir-peguam/>

Universiti Teknologi MARA. (n.d.). Body shaming under Malaysian law [Student research project]. UiTM Institutional Repository.  
<https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/90046/1/90046.pdf>